

TUNTUTAN BAYARAN BALIK ATAS KEGAGALAN MENYIAPKAN PENYELIDIKAN

10.3 Tuntutan bayaran balik atas kegagalan menyiapkan penyelidikan terhadap penyelidik-penyelidik yang telah diberi geran penyelidikan (sebelum tahun 2012), tetapi gagal menyiapkan penyelidikan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut :-

- i. setiap penyelidik terlibat diminta membayar balik peruntukan penyelidikan yang telah digunakan dengan cara potongan gaji.
- ii. jumlah potongan gaji setiap bulan adalah tertakluk kepada perbincangan antara penyelidik dan Jabatan Bendahari.
- iii. pemotongan gaji akan dibuat mulai Januari 2013 atau atas persetujuan antara penyelidik dan Jabatan Bendahari.
- iv. bagi penyelidikan yang dijalankan secara berkumpulan, nilai potongan gaji akan dibahagi seperti berikut :-

Bilangan Penyelidik	Pembahagian Tuntutan	
	Ketua Penyelidik	Ahli
1 orang	100%	-
2 orang	60%	40%
3 orang	40%	60% (30% setiap ahli)
4 orang	40%	60% (20% setiap ahli)
Lebih daripada 4 orang	30%	70% (bahagi sama rata antara bilangan ahli)

10.4 Mesyuarat juga bersetuju mana-mana penyelidik yang namanya tersenarai sebagai penyelidik tetapi telah berjaya menghantar laporan akhir pada atau sebelum 31 Disember 2012 dengan memuaskan, mereka dikecualikan dari dikenakan tindakan tuntutan bayaran balik ini.